

30 MAY 2002

PAS-Islam

PAS AKUI TINDAKAN UMNO ISYTIHAR NEGARA ISLAM SATU CABARAN

KOTA BAHARU, 30 Mei (Bernama) -- Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini berkata tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam telah menimbulkan cabaran baru kepada parti itu untuk memperluaskan pengaruhnya.

Beliau berkata tindakan itu adalah strategi Umno bagi menggelirukan umat Islam dan semua anggota PAS khususnya para ulama yang menyokong PAS perlu menyahut cabaran itu dengan memberi penjelasan kepada masyarakat Islam.

"Bagi meredakan keadaan kita kena bagi tahu (umat Islam) bahawa langkah mengisytiharkan negara Islam itu adalah mainan sahaja," katanya ketika merasmikan Mukhtamir Tahunan Dewan Ulama PAS peringkat Pusat di Hotel Perdana di sini.

Menurutnya tindakan drastik Umno itu bertujuan mendapatkan semula sokongan rakyat setelah parti memerintah itu mendapati pengaruh mereka semakin terhakis.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata bagaimanapun perisytiharan negara Islam oleh Perdana Menteri itu membuktikan bahawa perjuangan PAS selama ini adalah betul iaitu mengajak masyarakat supaya menghayati Islam dalam setiap amalan kehidupan seharian.

"Dulu orang yang sama kata Islam tak boleh dijalankan di Malaysia sebab negara majmuk, maka Islam mustahil dapat dijalankan, konon Islam tak ada tempat di dunia," katanya.

Beliau berkata Umno akhirnya akur bahawa rakyat Islam telah "jelek" dengan fahaman nasionalis atau sekular yang hanya menekankan kepentingan dunia semata-mata tetapi meminggirkan tuntutan agama dan akhirat.

Nik Aziz juga meminta Umno untuk mengaku secara terbuka kebenaran yang dinyatakan PAS mengenai Islam selain mengaku tindakan Umno yang pernah menentang pelaksanaan hukum Islam secara menyeluruh di negara ini adalah salah.

Mengenai kenyataan Dr Mahathir bahawa pembangkang tidak mempunyai pengaruh dan masa depan lagi selepas pilihan raya umum akan datang, Nik Aziz berkata PAS akan sentiasa mendapat sokongan di negara ini.

"Selagi ada dunia selagi itulah ada pembangkang. Selagi kamu (Umno) ada di muka dunia ini, selagi itulah kami (PAS) ada," katanya.

Beliau juga berkata PAS akan mempertahankan peranan ulama dalam parti itu kerana "hanya alim ulama sahaja pandai menangani masyarakat".

"Tidak ada yang boleh meredakan dunia ini kecuali alim ulama. Peranan ulama dalam parti masih penting," katanya.

Menurutnya, ulama berperanan sebagai tulang belakang dan tonggak utama perjuangan PAS dan sehubungan itu kepimpinan ulama sekarang akan diteruskan pada masa akan datang.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Nik Aziz berkata PAS menolak perisytiharan bahawa Malaysia sebuah negara Islam kerana ia dibuat sebagai satu "mainan politik".

"Istihar negara Islam tanpa perubahan dasar itu mainan sahaja. Kami tolak seratus peratus lebih-lebih lagi Perdana Menteri sebut Malaysia negara Islam tanpa apa-apa perubahan, apa ertinya," katanya.

Beliau mengulangi bahawa PAS hanya boleh menerima Umno sekiranya parti itu mengubah dasarnya secara rasmi untuk menerima Al-Quran dan Hadis sebagai perjuangan utamanya bagi mengenyahkan perjuangan kebangsaan yang diamalkan sekarang.

Muktamar Tahunan PAS Pusat kali ke-48 bermula hari ini sehingga 2 Jun ini.

Esok, Presiden PAS Datuk Fadzil Noor akan menyampaikan ucapan dasar dan merasmikan muktamar itu.

Sementara itu, para wartawan yang membuat liputan majlis muktamar yang berlangsung di tiga tempat secara serentak hari ini menghadapi masalah kerana terdapat majlis yang dibuat secara tertutup dan mereka tidak dibenarkan masuk walaupun mempunyai pas kebenaran khas yang dikeluarkan oleh urusetia.

Bagi muktamar Dewan Ulama PAS, wartawan hanya dibenarkan mengikuti majlis perasmian oleh Nik Aziz sebelum dimaklumkan bahawa aturcara seterusnya dibuat secara tertutup dan wartawan tidak boleh mengikutinya.

Wartawan yang membuat liputan Muktamar Muslimat PAS yang diadakan di sebuah hotel lain langsung tidak dibenarkan mengikuti majlis itu manakala bagi Muktamar Pemuda PAS di Pusat Tarbiyah Islam Kelantan (Putik), Pengkalan Chepa, wartawan bebas bertugas sambil diperhatikan petugas urusetia.

-- BERNAMA  
RAR RAR MOZ